



ANAK-ANAK Orang Asli melihat jentik-jentik yang ditunjukkan oleh sukarelawan Combi pada Program Gotong Royong Membasmi Denggi di Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang semalam.

– RAJA JAAFAR ALI

Kesedaran denggi Orang Asli rendah

JOHOR BAHRU – Masyarakat Orang Asli di sekitar negeri ini perlu diberi pendedahan tentang bahaya penularan demam denggi terhadap kehidupan mereka kerana boleh mengundang risiko sehingga membawa maut.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim berkata, kesedaran menjaga kebersihan di kawasan perkampungan Orang Asli masih lagi berada ditahap yang rendah.

“Hari ini (semalam) kita mengadakan gotong-royong di Kampung Orang Asli Kuala Masai bagi membersihkan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

“Kalau kita lihat persekitaran di kawasan kampung ini agak kurang bersih kerana banyak sampah-sarab yang boleh

menjadi sarang pembiakan nyamuk.

“Jadi kita harus berganding bahu mendekati masyarakat Orang Asli dengan memberi pendidikan bagaimana cara untuk menghapuskan penularan wabak denggi ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Membasmi Denggi yang turut disertai lebih 50 sukarelawan termasuk Communication for Behavioural Impact (Combi), syarikat sisa pepejal SWM Environment dan Kementerian Kesihatan (KKM) Johor Bahru.

Antara tempat yang menjadi tumpuan pembiakan nyamuk ialah bot-bot lama yang tersadai di tepi pantai.

Ujarnya, kesedaran denggi penting kepada Orang Asli bagi elak kes itu terus meningkat.